

TERJEMAHAN HADIS ISYARAT MESRA OKU PENDENGARAN: HADIS LARANGAN MENYEBARKAN FITNAH

Nabila Irdini Mat Yaacob¹
Nurhidayah Abdul Rasheed²
Nor Shazwani Abdul Wahab³
Maisarah Saidin⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (E-mail: irdiniyaacob@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (E-mail: nurhidayahrasheed@gmail.com)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (E-mail: waniwhb99@gmail.com)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), (E-mail: maisarah@usim.edu.my)

Abstrak: Sejak kebelakangan ini, pengajaran dan pembelajaran (PDP) berkaitan Bahasa Isyarat Al-Quran telah banyak dibangunkan. Sebagaimana maklum, hadis merupakan sumber kedua dalam Islam. Oleh itu, pembangunan Bahasa Isyarat Hadis adalah sama pentingnya dengan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran untuk golongan OKU pendengaran. Malangnya, komuniti orang pekak (OP) ini masih belum mempunyai akses kepada hadis. Oleh hal demikian, kajian ini akan membangunkan pengajaran dan pembelajaran hadis untuk komuniti OKU pendengaran, mereka bentuk terjemahan hadis dan membangunkan prototaip Bahasa Isyarat Hadis Terjemahan OKU Pendengaran: “Hadis Larangan Menyebarkan Fitnah”. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif menggunakan reka bentuk model ADDIE. Model ini terdiri daripada lima peringkat iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahan pengajaran dan pembelajaran berkaitan hadis dalam Bahasa Isyarat untuk golongan OKU pendengaran perlu dicipta dan dihasilkan dengan lebih banyak. Penyelidikan ini harus diteruskan dengan menterjemahkan lebih banyak hadis ke dalam Bahasa Isyarat bagi golongan OKU pendengaran supaya mereka dapat didedahkan dengan hadis dengan lebih meluas dan mudah diakses. Prototaip ini juga boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam program berbentuk Ilmiah.

Kata Kunci: *OKU Pendengaran, Bahasa Isyarat, Hadis Larangan Menyebarkan Fitnah*

Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, negara kita acap kali dikejutkan dengan pelbagai berita yang tidak dapat dipastikan akan kesahihannya di media sosial. Perkara ini amat membimbangkan kerana ia mampu memecah belahkan kesatuan dan perpaduan sesama manusia secara umumnya dan umat Islam secara khususnya. Dalam Islam, menyebarkan fitnah dianggap sebagai perbuatan yang dilarang, keji, dan antara dosa yang paling besar. Seperti yang diketahui, fitnah itu ialah tuduhan atau cerita yang diada-adakan atau dibuat-buat untuk memburukkan seseorang. Jika dahulu fitnah disebarkan secara 'telinga ke telinga' atau melalui lisan sahaja, ia mungkin mengambil masa yang agak lama untuk disebarkan, tetapi kini ia boleh dilakukan dalam masa beberapa saat sahaja untuk tersebar ke seluruh dunia.

Fitnah tersebar hanya melalui hujung jari sahaja dengan menggunakan telefon pintar atau skrin komputer yang membolehkan sesiapa sahaja mencipta sesuatu yang berunsur fitnah dan menyebarkannya kepada semua orang. Hal ini bukan sahaja memburukkan maruah mangsa fitnah, bahkan ia mampu membawa kepada penyakit sosial yang teruk dengan berlakunya perpecahan dalam kalangan keluarga dan merosakkan masyarakat. Akibatnya, hubungan adik beradik, suami isteri, jiran tetangga dan sebagainya akan hancur dan membawa kepada permusuhan yang berpanjangan dan adakalanya berkekalan. Bahkan, perbuatan menyebarkan fitnah juga diumpamakan sebagai api yang marak membakar tanah gambut atau kata lain, seperti api dalam sekam kerana ia cepat merebak sehingga akhirnya menjadi jerebu atau debu yang beterbangan yang pada hujungnya akan menyusahkan dan menyakitkan orang ramai serta merugikan negara. Terdapat banyak hadis yang memperingatkan agar tidak menyebarkan fitnah kerana ianya memberi kesan kepada segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, dengan kewujudan penyelidikan ini, ia mampu memberi kesedaran awal kepada golongan OKU pendengaran untuk lebih memahami konsep, kesan dan langkah-langkah dalam menangani fitnah.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan reka bentuk model ADDIE. Model ADDIE mempunyai lima fasa utama iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan serta penilaian. Pertama sekali, analisis perlu dilakukan dalam mengeluarkan idea yang bernas bagi mewujudkan prototaip yang berguna. Prototaip terjemahan hadis isyarat untuk OKU pendengaran ini amat penting kepada masyarakat yang mempunyai masalah pendengaran supaya mereka dapat didedahkan secara meluas tentang hadis. Untuk kajian ini, pengkaji menggunakan "Hadis Larangan Menyebarkan Fitnah" sebagai sampel kajian. Prototaip ini juga boleh digunakan oleh orang normal walaupun sasaran asal projek ini adalah masyarakat yang mempunyai masalah pendengaran kerana kandungannya berkait rapat dengan setiap umat Islam.

Selain itu, perkara kedua ialah reka bentuk prototaip. Prototaip ini dicirikan oleh banyak sifat seperti diadaptasi dalam bahasa yang mudah difahami iaitu mesra OKU. Ia dilengkapi dengan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), video, gambar, suara dan sari kata yang memberi manfaat dan faedah kepada OKU pendengaran serta orang biasa. Seterusnya, perkara ketiga ialah pembangunan mengikut reka bentuk yang telah ditetapkan. Prototaip diteruskan dengan menggunakan aplikasi yang ada iaitu InShot, Kindmaster dan CapCut. Di samping itu, hasil prototaip tersebut akan disebarkan di media sosial seperti Facebook, Instagram, Youtube dan sebahaginya agar orang ramai serta golongan OKU pendengaran mendapat manfaat daripada pelaksanaan tersebut. Akhir sekali, keberkesanan penghasilan prototaip ini dapat dinilai dengan pasti apabila ia boleh membawa kebaikan, manfaat dan boleh digunakan di dalam kehidupan seseorang tidak kira OKU pendengaran atau tidak selagi ia masih relevan. Dengan penubuhan

produk akhir, penyelidikan boleh menilai tindak balas dan maklum balas daripada orang pekak dan orang ramai. Jika kedua-dua pihak dapat memahami dan mengamalkan ilmu tersebut, maka produk ini boleh dikatakan berjaya.

Kajian Lepas

Terdapat tiga isi penting yang akan dibincangkan di dalam kajian lepas iaitu konsep fitnah, kesan-kesan penyebaran fitnah dan langkah-langkah dalam menangani penyebaran fitnah. Kesemua isi memainkan peranan yang penting di dalam kajian ini.

Konsep Fitnah

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, hadis bermaksud sabda (perbuatan atau kelakuan) Nabi Muhammad SAW yg diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya (untuk menjelaskan atau menentukan sesuatu hukum Islam). Perkataan "Hadith" (حديث) adalah kata asal dari perkataan "Hadatha" (حدث) yang dari sudut bahasanya bererti baru (lawan qadim) atau cakap atau berita." Secara etimologi perkataan "Hadith" membawa erti berbagai-bagai, antaranya; perbuatan, khabar, perkataan atau percakapan. Perkataan fitnah dalam bahasa Arab merujuk kepada ujian, kufur, pembunuhan, kebakaran dan lain-lain. Ini berdasarkan penggunaan bangsa Arab terhadap perkataan ini mengikut pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Athir (Nathir, 2022). Pensyarah bidang falsafah Islam di Universiti Khartum, Dr. Sabri Muhammad Khalil telah menyenaraikan beberapa pandangan dari ilmuwan-ilmuwan Bahasa Arab berkenaan makna kalimah fitnah. Secara asasnya dari sudut bahasa, fitnah bermaksud dugaan dan ujian. Itulah yang dikemukakan antaranya oleh Imam al-Azhari (Muhammad, 2021).

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada fitnah sesuai dengan kategori orang itu, sama ada dia adalah pereka fitnah atau semata-mata sebagai penyebar. Bagi pereka fitnah, banyak faktor yang boleh diandaikan seperti persaingan dalam merebut sesuatu sama ada meraih jawatan, mendominasi perniagaan, kepentingan politik, kedengkian terhadap kelebihan orang lain dan pelbagai lagi. Pokok pangkalnya fitnah terbit daripada hati seseorang yang kotor, bermasalah dan tidak dibenteng dengan iman yang teguh. Sesungguhnya syaitan sememangnya tidak pernah berdiam agar manusia sentiasa berbalah dan berkonflik antara satu sama lain. Ia sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu." [Surah al-Maidah: 91]

Terdapat empat jenis fitnah yang dinyatakan di dalam al-Quran iaitu Surah al-Kahfi. Fitnah agama, harta, ilmu dan juga kuasa. Kesemuanya semestinya memberikan kesan yang buruk kepada orang lain jika lebih-lebih lagi kepada umat Islam sendiri. Keadaan ini juga adalah sama bagi golongan OKU. Pada permulaan Surah al-Kahfi diceritakan mengenai sekumpulan pemuda yang berjuang memelihara agama mereka, disambung dengan kisah pemilik kebun yang memiliki banyak harta yang mengakibatkan dia kufur dan jauh dari Allah SWT. Manusia terkadang berbangga dengan harta dan pengikutnya yang ramai. Firman Allah:

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا

“Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: “Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai”. (al-Kahfi: 34)

Perhatikan dalam ayat ini, bagaimana Allah menyebutkan bahawa harta yang banyak, pengaruh yang kuat serta pengikut yang ramai menjadikan manusia keliru dan akhirnya merasa tinggi diri, ego dan jauh dari bimbingan Allah.

Berdasarkan kisah yang terpatери di dalam Surah al-Kahfi ini, umat Islam dapat mengambil pengajaran dari kisah-kisah ini bahawa semua nikmat dan fitnah dunia adalah ujian kepada setiap umat Islam. Maka umat Islam patut merendah diri sebagai seorang hamba kepada Tuhan yang satu iaitu Allah SWT dan bukannya sengaja mengadu-domba dan berbuat fitnah di duniaNya. Konsep ini juga diguna pakai bagi umat Islam Orang Kurang Upaya yang juga hambaNya.

OKU ialah huruf singkatan yang bermaksud Orang Kurang Upaya. OKU adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat (Anonymous, 2016). OKU Pendengaran menggunakan bahasa yang sama untuk berkomunikasi di antara mereka. Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) ialah bahasa pertama orang pekak dan diiktirafkan sebagai bahasa rasmi orang Pekak di Malaysia melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 atau Akta 685 (Anonymous, n.d.). Bahasa ini juga boleh digunakan bersama orang normal sebagai satu cara untuk berkomunikasi dengan komuniti ini. BIM amat penting bagi golongan OKU Pendengaran supaya mereka dapat berkomunikasi seperti orang biasa. Oleh itu, penubuhan prototaip Terjemahan Hadis Isyarat Mesra OKU Pendengaran: Hadis Larangan Menyebarkan Fitnah ini akan memberi pendedahan kepada komuniti OKU Pendengaran supaya mereka mempunyai sumber untuk mempelajari tentang hadis dengan lebih mudah.

Kesan-kesan Penyebaran Fitnah

Penyebaran maklumat atau berita yang tidak sah benar-benar merosakkan akhlak dan sahsiah umat Islam sama ada melalui kata-kata atau sebarang jenis komunikasi seperti melalui sistem pesanan ringkas, media sosial dan sebagainya. Tambahan pula, jelaslah bahawa hukum fitnah adalah haram dan ditegah dalam Islam kerana perbuatan tersebut dikecam keras oleh Nabi S.A.W menerusi Riwayat hadis Huzaifah R.A:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ نَمَامٌ

Maksudnya: “Tidak masuk syurga orang yang menyebarkan fitnah (mengadu domba).

[Riwayat al-Bukhari (6056) dan Muslim (105)]

Selain itu, dengan teknologi semasa ini telah menyebabkan pelbagai isu dan masalah terjadi kepada masyarakat akibat daripada penyebaran fitnah. Sebagai contoh, insiden “Kakak tikam adik kerana berebut tempat duduk di dalam kereta ketika pulang dari sekolah” seperti yang dinyatakan dalam akhbar MSTAR online. Insiden tersebut telah mencetuskan pelbagai spekulasi masyarakat seterusnya menyebarkan berita tanpa asal usul periksa. Namun, menerusi temubual bersama ibu kepada dua beradik itu mendedahkan bahawa kejadian bukan disebabkan oleh perebutan kerusi sebagaimana yang didakwa oleh banyak pihak.

Di dalam al-Quran Allah S.W.T telah berfirman di dalam Surah al-Nur berkaitan balasan orang yang suka membuat fitnah:

إِنَّ الَّذِينَ يُجِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ آمَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang suka menghebahkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian).” [Surah al-Nur:19]

Seterusnya, pelbagai kesan buruk dalam menyebarkan fitnah terutamanya kepada agama, individu, keluarga, masyarakat dan negara. Antaranya ialah, agama Allah SWT akan dipandang serong dan penganut agama lain juga akan hilang rasa hormat jika perbuatan fitnah berlaku dalam kalangan umat Islam. Justeru itu, perbuatan ini juga boleh mengakibatkan umat Islam ditindas, dipandang hina dan dibuli oleh mereka.

Kesan seterusnya ialah, orang yang sering menyebarkan fitnah tanpa mengetahui kesahihan biasanya mementingkan kepuasan diri sendiri tanpa memikirkan kesan dan keburukan kepada orang lain. Apabila fitnah itu dilemparkan kepada individu tersebut, air muka dan nama baiknya boleh tercemar dan tercalar jika berkaitan dengan keaiban diri. Hal ini menyebabkan orang lain berasa benci dan wujudnya permusuhan terhadap mangsa fitnah tersebut. Seterusnya, kredibiliti dan reputasi mangsa juga terjejas sehingga mengakibatkan kemurungan dan masalah mental.

Di samping itu, fitnah juga memberi kesan kepada keluarga. Perbuatan fitnah akan menyebabkan keluarga mangsa berada dalam situasi yang tidak tenteram dan berantakan. Perasaan dendam akan timbul dan seterusnya mendorong kearah pertelagahan serta pergaduhan. Lebih membimbangkan, kekasaran fizikal juga mungkin berlaku jika perkara ini berlarutan seperti pukul-memukul sehingga menyebabkan kematian seseorang.

Kesan yang lain ialah terhadap masyarakat. Perbuatan fitnah boleh menyebabkan hubungan perpaduan dan persaudaraan semakin rosak dan terlerai. Keadaan menjadi porak peranda dan huru-hara akibat permusuhan. Akhirnya kemanisan dan kebahagiaan masyarakat semakin lenyap dan runtuh apabila semangat dan ukhuwah persaudaraan luntur.

Akhir sekali kesan terhadap negara. Nama baik dan keselamatan negara terjejas akibat daripada berleluasanya perbuatan fitnah. Pergolakan juga terjadi apabila timbul salah faham akibat fitnah seperti provokasi keagamaan dan sentimen perkauman. Seterusnya, peperangan dan pertumpahan darah akan tercetus antara beberapa negara. Fitnah juga memberi kesan terhadap kejatuhan ekonomi negara dimana pelabur semakin berkurangan dan takut akibat ketidakpastian ekonomi. Sektor pelancongan juga turut terkesan sehinggakan ekonomi negara menjadi lumpuh.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa perbuatan fitnah memberikan kesan yang teruk terhadap agama, individu, keluarga, masyarakat dan negara. Maka, amalan ini haruslah diambil serius oleh setiap individu agar keadaan sedemikian tidak berlaku. Walaupun perbuatan fitnah tidak dapat dikurangkan dengan kadar segera, namun dengan adanya teknologi terkini dapatlah digunakan sebagai medium penyebaran maklumat tentang kesan dan bahaya memfitnah.

Langkah-langkah dalam Menangani Penyebaran Fitnah

Fitnah adalah suatu pendustaan yang besar, malah mengakibatkan kita tidak akan dapat memasuki syurga Allah SWT (Nurul Fatiha, 2021). Antara langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan diri, keluarga dan masyarakat terhindar daripada menjadi ‘agen penyebaran’ fitnah adalah yang pertama, perlulah sentiasa mencari ilmu, mempelajarinya serta mendalami ilmu agama dengan orang yang mahir secara berterusan. Kemudian, mengamalkan dan mempraktikkan segala ilmu yang dipelajari di dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana, ia dapat menghindarkan diri, keluarga dan masyarakat daripada melakukan perkara sia-sia yang ditegah oleh syarak. Selain itu, digalakkan juga agar sentiasa mengingatkan diri bahawa segala perbuatan kita akan dicatat dan dihisab oleh Allah SWT kelak. Firman Allah SWT:

وَلَا كِبِيرَةٌ إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظُنُّ رَبُّكَ أَحَدًا

Maksudnya: Dan "Kitab-kitab Amal" juga tetap akan dibentangkan, maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu, merasa takut akan apa yang tersurat di dalamnya; dan mereka akan berkata: "Aduhai celakanya kami, mengapa kitab ini demikian keadaannya? Ia tidak meninggalkan yang kecil atau yang besar, melainkan semua dihitungnya!" Dan mereka dapat segala yang mereka kerjakan itu sedia (tertulis di dalamnya); dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorangpun. [Surah al-Kahfi: 49]

Mendekati para alim ulama’ dan orang-orang yang soleh serta menjauhi orang-orang yang suka menyebarkan fitnah juga adalah salah satu langkah-langkah dalam menangani penyebaran fitnah. Hal ini kerana, tiada masa untuk berbincang akan hal yang tidak berfaedah. Setiap individu mahupun masyarakat digalakkan agar memastikan dahulu dan memperhalusi akan kesahihan setiap maklumat atau sesuatu perkara yang diperolehi sebelum disebarkan kepada orang lain. Contohnya, kesahihan cerita atau berita yang dilabel sebagai ‘khabar angin’ supaya tidak terlibat di dalam unsur-unsur penyebaran fitnah bahkan jika diketahui tidak benar, hendaklah memadamkannya serta-merta. Ini adalah cara yang terbaik dalam mengelakkan diri, keluarga dan masyarakat menjadi penyebar fitnah tidak kira lah di media sosial atau secara lisan. Perlulah berhati-hati sebelum mengatakan tentang sesuatu perkara kerana bukanlah semua di media sosial itu benar. Adakala terdapat paparan yang hanya membuat fitnah sekadar untuk dikenali orang ramai.

Perbuatan menyebarkan fitnah dalam kalangan masyarakat berlalu terlalu pantas ditambah pula dengan kemudahan teknologi yang membolehkan sesuatu perkara itu disebarkan tanpa merujuk kepada situasi yang sebenar. Kesannya, ramai mangsa yang terpalit dengan fitnah yang merupakan 'pembunuh' utama keharmonian umat. Umat Islam perlulah menghindarkan diri daripada menjadi punca kepada penyebaran fitnah kerana ianya adalah sifat yang tidak baik dan akan memberi keburukan kepada semua golongan termasuklah menjejaskan kestabilan dan keamanan negara.

Seterusnya, melakukan tabayyun dan bertanya setiap isu yang tidak pasti akan kesahihannya kepada orang yang lebih mahir. Ini kerana mereka lebih arif dan mengetahui lebih banyak tentang sesuatu perkara. Hal ini amat penting agar diri, keluarga dan masyarakat tidak

terjebak di dalam fitnah mengenakan seseorang yang akhirnya kita sendiri menyesal. Akhir sekali, sentiasalah menanam perasaan akan mengasihi orang lain dalam diri sebagaimana kita mengasihi diri kita sendiri supaya timbul keinsafan untuk saling memelihara keaiban orang (Mohamad Asyraf, 2019). Sabda Rasulullah SAW:

بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ فِتْنًا كَقَطْعِ اللَّيْلِ الْمُظْلَمِ؛ يُصْبِحُ الرَّجُلُ مُؤْمِنًا وَيُمْسِي كَافِرًا، أَوْ يُمْسِي مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا، يَبِيعُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا

Maksudnya: Hendaklah kamu bersegera melakukan amalan-amalan sebelum datangnya fitnah-fitnah ibarat kepingan-kepingan malam yang gelap gelita. Hal ini menjadikan seseorang lelaki beriman pada waktu pagi dan kufur pada waktu petang, atau beriman pada waktu petang dan kufur pada waktu pagi. Ini kerana dia menjual agamanya dengan sedikit mata benda dunia.

Riwayat Muslim (169), al-Tirmizi (2121), Ahmad (11056) dan al-Tabarani dalam al-Ausat (2881)

Nabi Muhammad SAW mengingatkan kita supaya bersegera dalam melakukan amalan-amalan yang soleh dan baik dengan sebanyaknya agar diri, keluarga dan masyarakat terhindar daripada sikap suka menyebarkan fitnah. Imam al-Suyuti berkata: Hadis ini adalah untuk menggesa orang ramai supaya melakukan amalan yang soleh dan bersegera sebelum berlaku sebarang keuzuran kepada kita atau kesibukan disebabkan berlakunya banyak fitnah. Rasulullah SAW mensifatkan fitnah itu adalah sejenis daripada ujian, bala dan sebagainya sehingga menjadikan seseorang itu seorang yang beriman pada waktu petang, tetapi menjadi kufur pada waktu pagi.

Hasil Kajian

Dapatan kajian menunjukkan konsep fitnah boleh diistilahkan sebagai dugaan dan ujian bagi seseorang. Selain itu, konsep fitnah di dalam al-Quran ialah kesesatan, penipuan atau penyimpangan dari kebenaran. Seterusnya, penyebaran maklumat tidak sah boleh menimbulkan kesan negated terhadap agama, individu, keluarga, masyarakat dan negara, Sebagai contoh, umat Islam dipandang hina, wujudnya permusuhan, pergaduhan, peperangan dan sebagainya. Akhir sekali, antara langkah-langkah yang boleh diambil bagi menangani penyebaran fitnah ialah, mendalami ilmu agama, mendekati orang-orang soleh, memastikan kesasihan maklumat dan sebagainya.

Kesimpulannya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa bahan pengajaran dan pembelajaran berkaitan hadis dalam Bahasa Isyarat untuk golongan OKU pendengaran perlu dicipta dan dihasilkan dengan lebih banyak. Tambahan pula, bagi menterjemahkan lebih banyak hadis dalam Bahasa Isyarat untuk golongan OKU, penyelidikan ini haruslah diteruskan supaya mereka dapat didedahkan dengan hadis dengan lebih meluas dan mudah diakses. Akhir sekali, prototaip ini juga boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam program berbentuk Ilmiah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, prototaip ini dapat memberi pendedahan kepada komuniti OKU Pendengaran dengan memperlihatkan apa itu hadis, sumber rujukan kedua di dalam Islam. Kajian ini juga dapat membantu dan memberi manfaat kepada komuniti oku pendengaran supaya dapat mempelajari dan memahami hadis khususnya mengenai larangan menyebarkan fitnah. Kajian ini juga dapat menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi komuniti OKU Pendengaran ini. Prototaip ini dapat memberi maksud yang jelas mengenai hadis terutamanya tentang hadis larangan menyebarkan fitnah. Mereka dapat mempelajari apa itu hadis dan dapat memahami kandungan hadis ini dengan lebih baik. Mereka perlu tahu apakah maksud, kesan dan langkah mengatasi fitnah dalam di dalam masyarakat meskipun hanya boleh berbicara menggunakan BIM. Malah, prototaip ini juga dapat memberi faedah kepada orang normal yang belum mempunyai pengetahuan mengenai hadis dan juga larangan menyebarkan fitnah. Tidak mustahil bagi orang normal untuk tidak mengetahui ilmu mengenai hadis dan juga hadis larangan menyebarkan fitnah kerana terdapat juga sesetengah masyarakat yang kurang mengambil berat mengenai ilmu Islam. Mereka kurang memberi perhatian kepada sumber rujukan kedua dalam Islam tersebut. Dengan adanya prototaip ini, sedikit sebanyak ia juga akan memperkenalkan BIM kepada rakyat Malaysia. Ia mungkin juga boleh menarik minat orang ramai untuk mempelajari BIM dan memberi kesan kepada orang ramai agar mempunyai asas kepada BIM serta dapat berkomunikasi dan menyantuni golongan oku pendengaran.

Rujukan

Al-Quran

- Anonymous. (n.d.). Bahasa Isyarat Malaysia (BIM). BIM Sign Bank. Retrieved November 26, 2022, from <https://www.bimsignbank.org/about-us>
- Anonymous. (2016, August 2). Dasar / Pelan Tindakan. Jabatan Kebajikan Masyarakat. Retrieved November 26, 2022, from <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal%2Fleft&id=cCtGNGNKVE9obFhBRUI5RERPRjVoUT09>
- Ashraf, M. (2019, June 13). BAYAN LINNAS SIRI KE 182: BAHAYA FITNAH. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved December 23, 2022, from <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3483-bayan-linnas-siri-ke-182>
- Fatimah, S. (2021, July 23). Surah al-Kahfi dan fitnah dunia. Ismaweb. Retrieved December 23, 2022, from <https://ismaweb.net/2021/07/23/surah-al-kahfi-dan-fitnah-dunia/>
- Jasmi, K. A. (2006). Pengertian Fitnah dan Kaedah Menangani Permasalahannya dalam masyarakat. MINDA, 1, 5.
- Mohamad Asyraf. (2019, Jun 12). Bahaya Fitnah. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved November 25, 2022, from <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3483-bayan-linnas-siri-ke-182>
- MSTAR. (2022, Oktober 26). “Nanti kakak masuk neraka seorang ke?”- Ibu dedah cerita di sebalik kejadian, anak tak sengaja ‘tikam’ adik. Retrieved November 25, 2022, from <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2022/10/26/nanti-kakak-masuk-neraka-seorang-ke--ibu-dedah-cerita-di-sebalik-kejadian-anak-tak-sengaja-tikam-adik>
- Muhammad, A. M. (2021, September 9). Makna Zaman fitnah Dan Pesan-Pesan Nabi. Harakahdaily. Retrieved November 26, 2022, from <https://harakahdaily.net/index.php/2021/09/09/makna-zaman-fitnah-dan-pesan-pesan-nabi/>
- Nathir, K. A. M. (2022, March 4). Berhati-Hati dengan fitnah. my Metro. Retrieved November 26, 2022, from <https://api.hmetro.com.my/addin/2022/03/816800/berhati-hati-dengan-fitnah>
- Nurul Fariha. (2021). Amalkan 5 cara ini untuk hindari fitnah akhir zaman. Sinar Harian. Retrieved November 26, 2022, from <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=145759>